

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Rancangan Malaysia ke-12 hendak mengatasi lebih 700,000 orang rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan sejak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam tempoh RMKe-12, Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan penduduk tempatan dalam pasaran buruh. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah dengan menyalurkan tambahan levi yang dikutip melalui pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat kepada industri.

Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan melaksanakan program peningkatan kemahiran dan latihan semula kepada penduduk tempatan.

Selain itu, majikan akan diberikan insentif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi menarik minat lebih ramai penduduk tempatan. Kerajaan juga akan mengurangkan kemasukan pekerja asing terutamanya

yang berkemahiran rendah dan dalam jangka panjang, jumlah pekerja asing dihadkan kepada tidak melebihi 15 peratus.

Fokus pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu merencanakan pertumbuhan ekonomi akan memberi tumpuan kepada usaha mengembalikan semula momentum pertumbuhan kesemua sektor ekonomi dan mewujudkan sumber pertumbuhan baharu.

Pertumbuhan beberapa industri yang strategik dan berimpak tinggi iaitu elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, industri halal, kreatif, pelancongan, biojisim dan aktiviti pertanian pintar akan dilonjakkan.

Bagi memperkasa tenaga kerja Malaysia agar lebih berdaya tahan, berkemahiran tinggi dan tersohor di peringkat antarabangsa, Kerajaan akan melaksanakan Pelan Strategik Penciptaan Pekerjaan Nasional (*National Job Creation Strategic Plan*). Penciptaan pekerjaan di Malaysia akan dipertingkatkan melalui enam (6) teras utama iaitu:

- i. meningkatkan kerjasama antara industri dan akademik;
- ii. memupuk bakat bagi memenuhi keperluan industri;
- iii. memperkasa usahawan tempatan untuk maju dalam ekonomi semasa;
- iv. memanfaatkan ekonomi gig untuk pencarian peluang penjanaan pendapatan;
- v. memacu pertumbuhan sektor baharu dan moden; dan
- vi. mempercepat penerapan amalan tempat kerja moden.

Pembangunan bakat berkualiti dan berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri turut diberi tumpuan dalam RMKe-12 melalui usaha menambah baik seluruh sistem pendidikan negara, serta menangani isu ketidakpadanan dalam pasaran pekerjaan. Di antara langkah utama yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) akan diperkukuh bagi menyediakan murid dengan perubahan teknologi termasuk 4IR;

- ii. program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan diperkasa dengan menambah baik ekosistem, meningkatkan kualiti program melalui akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan badan bertaraf antarabangsa serta memperkenalkan sistem penarafan institusi TVET; dan
- iii. sistem pendidikan tinggi yang lebih fleksibel akan diwujudkan dan kerjasama dengan industri dipertingkatkan bagi menambah baik kualiti graduan dan memenuhi keperluan industri.

Kerajaan menyedari ekonomi gig merupakan sumber penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ia telah membuka peluang yang lebih besar kepada rakyat untuk menambah pendapatan, termasuk menawarkan perkhidmatan menggunakan platform digital.

Di bawah RMKe-12, Kerajaan secara berterusan akan mewujudkan ekosistem yang menyokong perkembangan ekonomi gig bagi menggalakkan rakyat memanfaatkan sepenuhnya peluang ini menerusi pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara atau JENDELA yang bakal menyediakan 100 peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk, liputan 5G yang lebih luas, dan jalur lebar talian tetap.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan keupayaan, kemahiran dan daya saing mencari pekerjaan golongan M40, program latihan dan latihan kemahiran semula serta aktiviti keusahawanan akan ditingkatkan di bawah RMKe-12.

Golongan pekerja dan yang terjejas perlu mengambil peluang untuk menaik taraf pengetahuan dan kemahiran sedia ada mereka menerusi inisiatif yang disediakan. Inisiatif ini bukan sahaja memberi nilai tambah untuk meningkatkan pendapatan, tetapi ia juga menjadi platform untuk membuka lebih ruang kebolehpasaran dalam pasaran kerja.

Inisiatif *reskilling* adalah program latihan yang ditawarkan bagi membolehkan pekerja mendapat pengetahuan dan kemahiran terkini yang selari dengan perkembangan teknologi semasa. Inisiatif ini amat bersesuaian

untuk disertai oleh para pekerja yang merasakan pengetahuan dan kemahiran sedia ada mereka tidak lagi relevan dan menepati keperluan semasa.

Inisiatif *upskilling* atau peningkatan kemahiran pula memberi peluang kepada pekerja untuk meningkat, menambah, memperluas atau memperkasakan pengetahuan dan kemahiran dimiliki. Inisiatif ini lebih berfokuskan suatu bentuk intervensi yang membawa nilai tambah kepada kemahiran sedia ada pekerja.

Peningkatan kemahiran yang dilalui oleh pekerja dilihat bukan sahaja boleh dijadikan pemangkin untuk mendapatkan pekerjaan baharu, tetapi ia turut berupaya mendorong kepada penciptaan pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) aktif dalam menawar dan menyediakan pelbagai program latihan berteraskan TVET dan pelbagai cabang disiplin pekerjaan.

Agensi-agensi ini menawarkan program latihan kemahiran berteraskan aspek teori dan praktikal mencakupi pelbagai bidang yang bersesuaian dengan permintaan industri semasa. Kursus-kursus jangka pendek dan program perantisan ditawarkan kepada para peserta yang berminat untuk mendalami kemahiran bersesuaian dengan minat dan latar belakang mereka.